



TEKS UCAPAN
YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA
SEMPENA
PERASMIAN HARI SUKAN NEGARA 2022
PERINGKAT NEGERI MELAKA

TARIKH: 8 OKTOBER 2022 (SABTU) , MASA: 8.00 PAGI
DI KOMPLEKS SUKAN MASJID TANAH, MELAKA.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam Keluarga Malaysia, Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia.

(SALUTASI DISEDIAKAN DI ATAS ROSTRUM)

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT, kerana dengan limpah kurnia dan inayah-Nya, dapat kita bersama-sama berkumpul pada pagi ini sempena Majlis Perasmian Sambutan Hari Sukan Negara (HSN) Peringkat Negeri Melaka bagi Tahun 2022.
2. Terlebih dahulu, bagi pihak kerajaan Negeri Melaka, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Jabatan Belia dan Sukan Negeri Melaka atas jemputan untuk merasmikan sambutan Hari Sukan Negara Peringkat Negeri Melaka pada kali ini.

3. Saya amat bersyukur kerana Kementerian Belia dan Sukan (KBS) melalui Jabatan Belia dan Sukan Negeri Melaka tidak pernah mengambil ringan terhadap program dan aktiviti kesukanan yang bersesuaian untuk terus menggalakkan masyarakat agar sentiasa aktif dan mengekalkan tahap kesihatan yang tinggi.

4. Saya juga dimaklumkan, sambutan Hari Sukan Negara (HSN 2022) pada kali ini akan dilaksanakan serentak di seluruh negara dan dilaksanakan secara fizikal keseluruhannya. Saya percaya, ini merupakan peluang yang sangat baik untuk masyarakat terutama

di kawasan setempat untuk hadir menyaksikan dan menyertai semua aktiviti dan program yang telah disediakan oleh pihak penganjur baik di peringkat negeri mahupun di peringkat daerah.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

5. Secara peribadi, saya berasa bersemangat untuk merasmikan majlis sukan ini. Mana taknya, sudah sekian lama warga negeri ini ingin melihat aktiviti sukan dan kecergasan diberikan tumpuan, sekali gus dapat membantu memulihkan semula ekonomi khususnya sektor sukan dan rekreasi selepas hampir

tiga tahun kita dilanda pandemik COVID-19 yang membataskan pelbagai rutin kecergasan harian.

6. Saya difahamkan, Hari Sukan Negara (HSN) ini merupakan satu langkah proaktif oleh Kementerian Belia dan Sukan Malaysia yang mengambil pendekatan lebih dinamik pada kali ini untuk meneruskan kesinambungan program-program kecergasan melalui program ikonik mereka iaitu Fit Malaysia yang telah dilancarkan pada 7 September 2014 di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur.

7. Bukan itu sahaja, Hari Sukan Negara telah diilhamkan sebagai acara kemuncak kepada program Fit Malaysia dan merupakan hari ikonik tahunan rakyat Malaysia yang dilaksanakan secara serentak pada minggu kedua bulan Oktober setiap tahun di seluruh negara bagi meraikan dan mengiktiraf penglibatan mereka di dalam aktiviti sukan, seterusnya menjadikannya sebagai satu gaya hidup dalam kalangan rakyat Malaysia.

8. Tambahan lagi, saya mengambil maklum, peranan besar yang dimainkan oleh Kementerian Belia dan Sukan melalui Jabatan Belia dan Sukan Negeri Melaka di dalam menyediakan pelbagai konsep alternatif

untuk menggalakkan rakyat Malaysia amnya dan rakyat Negeri Melaka khususnya untuk menuju ke arah negara bersukan atau *towards sporting nation*.

Hadirin dan hadirat sekalian,

9. Saya dimaklumkan, pengisian aktiviti yang dilaksanakan secara fizikal di dalam skala yang lebih sederhana di peringkat negeri dan daerah pada kali ini juga mampu memberi impak yang besar kepada komuniti keseluruhannya.
10. Sesungguhnya, Kerajaan Negeri Melaka menyambut

baik dan menyokong penganjuran sambutan ini bagi menarik penglibatan masyarakat daripada pelbagai golongan, peringkat umur, kaum dan taraf pendidikan. Ia juga selari dengan **Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035** di bawah **Flagship 8** iaitu **memperkasa pembangunan belia dan sukan untuk kesejahteraan rakyat.**

11. Alhamdulillah, pada pagi ini juga kita dapat bersama dengan atlit sukan yang akan berjuang membawa nama Negeri Melaka ke Sukan Para SUKMA tidak lama lagi. Kerajaan Negeri Melaka sentiasa mengiktiraf peranan dan kepentingan golongan OKU ini

terutamanya dalam agenda Keluarga Malaysia kerajaan hari ini. Kita semua perlu menyantuni golongan OKU secara adil serta meningkatkan penyertaan mereka di dalam pelbagai bidang termasuk bidang sukan.

12. Saya berharap, Jabatan Belia dan Sukan Negeri Melaka dapat membantu Kerajaan Negeri untuk memacu hasrat dan misi melahirkan warga Negeri Melaka khususnya menjadi warga yang aktif dan mengamalkan budaya hidup sihat agar dapat menjadi contoh terbaik di seluruh negara.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

13. Besar harapan saya agar Hari Sukan Negara pada kali ini dapat menyemarakkan semangat perpaduan dalam kalangan rakyat pelbagai kaum agar terus bersatu untuk kekal aktif dan sihat serta menggalakkan pembangunan ekonomi negara melalui pembangunan industri sukan untuk terus bersukan.
14. Saya yakin, sekiranya rakyat aktif dan sihat, kita akan menjadi lebih cerdas dan berusaha untuk memajukan diri. Saya juga percaya, kita mampu menghasilkan golongan rakyat yang berkualiti terutamanya dalam

bidang kesihatan dan kesukanan yang bermutu agar dapat diangkat sehingga ke peringkat antarabangsa suatu masa nanti.

15. Saya sekali lagi mewakili Kerajaan Negeri Melaka merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak terutamanya kepada Jawatankuasa Induk Pelaksana Hari Sukan Negara 2022 Peringkat Negeri Melaka serta semua yang terlibat yang telah bersama-sama memastikan pelaksanaan majlis ini berjalan lancar.

16. Akhirul kalam, dengan lafaz kalimah suci

Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan **Hari Sukan Negara Peringkat Negeri Melaka bagi Tahun 2022** di bumi bertuah ini.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

